



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : TVET BUKAN LAGI PILIHAN KEDUA - AHMAD ZAHID

SUMBER : BERNAMA - 28 MEI 2026

TVET Bukan Lagi Pilihan Kedua – Ahmad Zahid

28/05/2026 07:23 PM



Kredit: FB Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- TVET bukan lagi dianggap pilihan kedua, sebaliknya semakin menjadi pilihan utama dalam kalangan generasi muda susulan peningkatan enrolmen serta kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata kerajaan kekal komited memperkukuh agenda Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pemacu utama pembangunan modal insan negara serta pertumbuhan ekonomi masa hadapan.

"Saya berharap usaha kerajaan melalui penganjuran Hari TVET Negara dapat mengubah persepsi masyarakat bahawa TVET bukan lagi pilihan kedua, sebaliknya pilihan utama kerjaya yang mampu melahirkan generasi profesional, pencipta teknologi, usahawan serta pemimpin industri masa depan negara," katanya menerusi hantaran di Facebook hari ini.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : TVET BUKAN LAGI PILIHAN KEDUA - AHMAD ZAHID

SUMBER : BERNAMA - 28 MEI 2026

Menurut beliau, masa depan ekonomi negara akan banyak dipacu oleh tenaga kerja berkemahiran tinggi, teknologi baharu dan budaya inovasi. Justeru, usaha memperkasa TVET akan terus diberi keutamaan.

Ahmad Zahid berkata sebagai usaha berterusan memperkukuh ekosistem TVET negara, kerajaan telah mengisytiharkan 2 Jun setiap tahun sebagai Hari TVET Negara bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan bidang itu dalam membina masa depan negara yang lebih progresif, berdaya saing dan berteraskan kemahiran.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara berkata sambutan Hari TVET Negara 2026 yang akan berlangsung di Dataran Putrajaya dari 5 hingga 7 Jun ini bakal menghimpunkan institusi pendidikan, pemain industri, usahawan, belia serta masyarakat umum.

Katanya pelbagai pengisian menarik akan diadakan termasuk pameran teknologi dan inovasi, Karnival Kerjaya TVET, seminar industri berimpak tinggi, cabaran robotik dan Drone Soccer, Future Skills Showcase, platform keusahawanan TVET serta aktiviti santai dan interaktif untuk seisi keluarga.

Beliau berkata sambutan itu turut menjadi medan memperkukuh kerjasama strategik antara institusi TVET dan industri bagi memastikan bakat yang dilahirkan memenuhi keperluan pasaran kerja semasa berteraskan teknologi, inovasi dan kemahiran.

Menurut beliau, sebanyak 1,398 institusi TVET di seluruh negara kini menjadi sebahagian daripada nadi utama pembangunan negara.

Katanya seramai 229,121 pelajar atau 56.86 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf telah memilih untuk melanjutkan pengajian dalam bidang TVET, manakala jumlah keseluruhan enrolmen mencecah 459,558 orang tahun lepas.

"Lebih membanggakan, kadar kebolehpasaran graduan TVET negara turut meningkat kepada 95.9 peratus pada tahun 2025 berbanding 95.6 peratus pada tahun sebelumnya," katanya.

Menurut beliau, pencapaian itu membuktikan TVET bukan sahaja semakin diterima generasi muda, malah berjaya melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang benar-benar diperlukan industri dan ekonomi negara.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).